

05 JAN 2002

Samsudin-Akujanji

TERSERAH KEPADA K'JAAN NEGERI TERIMA PAKAI PEKELILING AKUJANJI

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan negeri boleh memilih sama ada hendak menerima pakai pekeliling mengenai Akujanji yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman hari ini.

Beliau berkata pekeliling yang dikeluarkan itu hanya meliputi anggota kerajaan Persekutuan manakala bagi kakitangan awam negeri, mereka tertakluk kepada peraturan itu sekiranya kerajaan negeri berkenaan menerima pakai pekeliling berkenaan.

"Dalam urusan pentadbiran terpulanglah kepada mereka (kerajaan negeri)...pekeliling itu ialah bagi kakitangan persekutuan. Kalau mereka tak mahu terima pakai terpulanglah," katanya kepada pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidil Fitri di kediamannya di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali turut hadir pada majlis itu.

Mengenai tempoh tiga bulan bagi kakitangan awam menandatangani, beliau menjelaskan tempoh itu bukan untuk kakitangan awam berfikir tetapi ialah bagi menyiapkan urusan pentadbiran termasuk mencetak borang dan sebagainya.

Beliau berkata tempoh itu mengambil-kira kakitangan awam persekutuan yang kini berjumlah 960,000 orang.

Samsudin yakin apabila tiba masanya semua kakitangan awam akan menandatangani akujanji itu kerana tanpanya pun mereka masih terikat dengan segala pekeliling dan peraturan kerajaan.

"Selagi mereka adalah pegawai kerajaan mereka terikat dengan peraturan am dan peraruran kelakuan dan tatatertib pegawai awam," katanya.

Beliau berkata segala elemen dalam akujanji itu memang terdapat dalam Perintah Am dan Peraturan Mengenai Kelakuan dan Tatatertib pegawai awam.

Katanya cuma dengan akujanji akan membuatkan kakitangan awam lebih peka terhadap tugas serta tanggungjawab masing-masing dan sentiasa ingat terhadap peraturan selagi mereka berkhidmat dengan kerajaan.

Samsudin berkata JPA akan memberi penjelasan agar kakitangan awam faham apa sebenarnya elemen yang terkandung dalam akujanji.

Mengenai tiga kakitangan awam yang turut ditangkap bersama-sama 10 lagi kerana terlibat dalam Kumpulan Militan Malaysia (KMM), beliau berkata tindakan yang hendak diambil hendaklah mengikut prosedur.

Beliau menyerahkan kepada ketua-ketua jabatan berkenaan untuk mengambil tindakan terhadap mereka terbabit.

Tiga kakitangan awam yang ditangkap itu ialah seorang pensyarah Universiti Teknologi Malaysia, seorang guru dan seorang guru besar.

-- BERNAMA

AKT AZZ FAZ